



PENGARAH PELAJARAN MELAKA

KATA – KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur kita kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Majlis Guru Bimbingan Sekolah Rendah dapat menerbitkan Modul Cuma Lima Minit Anti Dadah bagi Sekolah Rendah.

Dadah merupakan musuh nombor satu negara. Menyedari cabaran dan kesukaran berdepan dengan fenomena ini, kerajaan telah mengistiharkan perang secara habis – habisan terhadap dadah dan penyalahgunaannya.

Saya yakin dengan penghasilan buku modul ini dapat memberi maklumat dan pendedahan awal kepada semua murid sekolah rendah tentang bahaya penyalahgunaan bahan terlarang tersebut. Justeru itu, melalui penghasilan buku modul ini, dapat memberi fokus kepada aktiviti – aktiviti mengerakkan murid – murid terutama dalam memerangi najis dadah secara aktif.

Pemahaman mengenai gejala yang tidak sihat ini perlu digalas oleh semua pihak dan bukannya terletak di bahu pihak sekolah semata – mata. Sikap tanggungjawab bersama dan menganggap dadah adalah musuh individu, institusi keluarga dan komuniti saya menuntut komitmen serta sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat sebagai agen utama memerangi musuh No. 1 Negara ini.

Akhir kata, saya sekali lagi amat berbesar hati dengan kerjasama dan bantuan yang diberikan sehingga terhasilnya Buku Modul Lima Minit Anti Dadah. Tahniah dan syabas kepada semua pihak dalam menghasilkan bahan penuh berilmiah ini dan diharap buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

SELAMAT MAJU JAYA,

HJ ISA BIN HJ ABU



KETUA SEKTOR PENGURUSAN PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN

KATA – KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menghasilkan Buku Lima Minit Anti Dadah ini. Modul ini merupakan satu alternatif dan medium baru dalam penyebaran maklumat tentang pendidikan pencegahan dadah di sekolah rendah.

Dalam memenuhi hasrat kerajaan menjadikan sekolah bebas dadah menjelang 2012, penghasilan buku modul ini amat bertepatan dengan matlamat tersebut. Pelbagai genre dan bidang diterapkan dalam gaya penyampaian maklumat kepada murid dan ianya pasti akan menarik perhatian murid agar lebih memahami dan mempelajari mengenai pendidikan pencegahan yang ingin diterapkan.

Saya turut berkeyakinan penuh Modul Lima Minit Anti dadah ini amat sesuai digunakan di sekolah rendah dengan laras bahasanya yang mudah difahami mengikut tahap mereka. Semoga segala hasil murni ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak terutama sekali kepada kumpulan sasaran kita yang merupakan generasi akan datang yang bakal mencerminkan pemimpin negara kita. Bersama – samalah kita merealisasikan Sekolah Bebas Dadah 2012 dan Negara Bebas Dadah 2015.

Akhir kata, adalah diharapkan agar melalui penerbitan buku Modul ini akan dapat membantu pihak sekolah untuk sama – sama berganding bahu bagi mengukuhkan tekad dan memantapkan komitmen untuk menyempurnakan tanggungjawab mengangkat martabat agama, bangsa dan negara melalui anak – anak kita ini. Bersama – sama kita merealisasikannya.

Sekian, terima kasih.

SELAMAT MAJU JAYA,

HJ DAUD BIN ABDULL



KETUA UNIT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH

KATA – KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”, “Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”. Inisiatif untuk menghasilkan Modul Lima Minit Anti Dadah ini merupakan satu usaha murni yang harus dipuji kerana sehingga kini masih belum terdapat modul yang sesuai untuk diaplikasikan di peringkat sekolah rendah. Modul ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada mereka tentang bahayanya dadah. Tahniah kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menghasilkan modul ini.

Untuk menikmati kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang akademik, kita harus sedar bahawa pembangunan yang seimbang dan komprehensif dari aspek kerohanian dan emosi adalah antara teras penting dalam pembangunan modal insan seperti mana yang disasarkan oleh Perdana Menteri sejajar dengan matlamat mewujudkan masyarakat yang bertamadun dan progresif. Generasi hari ini adalah pewaris hari esok, kita sedang berhadapan dengan musuh yang paling berbahaya yang boleh meruntuhkan kegemilangan bangsa dan negara iaitu najis dadah.

Matlamat Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah ialah untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kaki tangan pendidikan dan ibu bapa akan bahayanya dadah. Justeru itu, kita memerlukan strategi dan perancangan yang baharu dan tepat untuk membendung gejala ini daripada menjadi lebih berleluasa .

Saya amat berharap modul ini akan dapat diaplikasi dengan sebaik mungkin sejajar dengan matlamat penerbitannya untuk membantu guru-guru agar lebih fokus menyampaikan maklumat dan pemilihan aktiviti yang sesuai kepada pelajar-pelajar di sekolah. Kepelbagaian aktiviti yang terkandung dalam modul ini dengan gabungan elemen sastera adalah merupakan satu kelainan yang tidak terdapat dalam modul lain.

Akhir kalam, terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sehingga terhasilnya modul ini. Semoga usaha murni ini diberkati Allah S.W.T

Sekian, terima kasih.

SELAMAT MAJU JAYA,

HJ MANAN BIN UMAR

Prakata

Buku Lima Minit Anti Dadah ini diterbitkan bertujuan untuk membantu guru- guru sekolah rendah terutamanya bagi menyampaikan maklumat mengenai pendidikan pencegahan dadah melalui pelbagai variasi yang mudah difahami oleh murid – murid sekolah rendah.

Bersesuaian dengan kaedah pelaksanaannya yang dijalankan selama lima minit sewaktu sesi perhimpunan rasmi yang melibatkan semua murid dan warga sekolah, modul ini dapat diterapkan dengan pelbagai genre yang pasti menarik perhatian murid. Bahan yang disusun mengikut minggu juga dipermudahkan dengan pembahagian bahan – bahan yang menarik.

Selain daripada itu, bukan sahaja pelaksanaan program ini memerlukan masa yang singkat dan padat malah ia mampu memberi impak yang positif di kalangan murid. Pendedahan dan maklumat yang jelas tentang kesan buruk akibat pengambilan rokok, inhalan, dadah, HIV/AIDS dan arak turut diterapkan.

Modul ini boleh juga digunakan semasa aktiviti ko-kurikulum di sebelah petang di samping membantu murid mencungkil bakat dan potensi murid - murid.



**1 Malaysia Membanters
Dadah**

Latar Belakang Pendidikan Pencegahan Dadah

Pada 28 Februari 1983, Jawatankuasa Kabinet Anti Dadah telah mengistiharkan 'Dadah Musuh Utama Negara'. Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi tanggung jawab untuk merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ini ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa.

Program Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah dilaksanakan secara bersepadu melalui empat strategi utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum, dan pembentukan sahsiah.

Matlamat

Modul ini diterbitkan bertujuan membantu para guru dalam menyampaikan Mesej 5 Minit Dadah kepada murid-murid secara lebih berkesan dan menarik.

Rasional

Modul ini diwujudkan untuk memenuhi hasrat kerajaan dalam memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru dan masyarakat tentang ancaman penyalahgunaan dadah di samping menggunakan pelbagai strategi terutama dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah.

Objektif

1. Meningkatkan kemahiran guru dalam mengendalikan aktiviti Program 5 Minit Anti Dadah mengikut tahap kesesuaian murid dengan pelbagai variasi .
2. Menimbulkan keinsafan dalam diri murid-murid tentang ancaman dan bahaya pengambilan rokok, arak, inhalan dan dadah dan HIV/AIDS.
3. Meningkatkan pengetahuan murid-murid tentang gejala penyalahgunaan dadah di samping cara-cara menghindari najis dadah.
4. Mengurangkan masalah sosial dan jenayah di kalangan murid.
5. Melahirkan modal insan yang cemerlang dan mempunyai ketahanan jati diri yang tinggi serta mengamalkan nilai – nilai murni.

Kumpulan Sasaran

Murid-murid tahap 1 dan 2, Sekolah Rendah

Prinsip Pendidikan Pencegahan Dadah Di Sekolah

- Semua sekolah rendah dan menengah hendaklah melaksanakan program PPDa.
- Pendidikan Pencegahan Dadah adalah untuk semua murid , guru, kakitangan sekolah , dan ibu bapa.
- Pengetahuan, kemahiran , nilai pengalaman, sikap dan kelakuanyang disampaikan kepada murid hendaklah selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Pendekatan yang digunakan hendaklah berupaya meningkatkan ketahanan dan jati diri murid.
- Pendidikan Pencegahan dadah adalah tanggungjawab semua warga sekolah.
- Program Pendidikan Pencegahan Dadah hendaklah menjurus ke arah 'Sekolah Bebas Dadah 2012'.

Sumber Bahan

Bahan –bahan yang terdapat dalam Modul 5 Minit Mesej Dadah ini ditulis oleh Jawatankuasa Pembinaan Modul dan bahan ciptaan murid – murid sekolah yang telah diedit.

JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM LIMA MINIT ANTI DADAH
SEKOLAH RENDAH, NEGERI MELAKA

BULAN	TARIKH	BIDANG	TAJUK	CATATAN
FEBRUARI	8.2.10	Pantun	Masyarakat Madani Tanpa Dadah	
	22.2.10	Syair	Pesanan Ibu	
MAC	1.3.10	Cerita	Hati – hati Memilih Rakan	
	8.3.10	Nyanyian	Jom Benci Rokok/ Hidup Ceria	
	22.3.10	Lakonan	Keluarga Bahagia	
APRIL	29.3.10	Sajak	Masyarakat Madani Tanpa Dadah	
	5.4.10	Main Peranan	Masyarakat Madani Tanpa Dadah	
	12.4.10	Wawancara	Jom Benci Rokok	
	19.4.10	Tekasilangkata		
	26.4.10	Pantun	Keluarga Bahagia	
MEI	3.5.10	Syair	Anak Wawasan	
	10.5.10	Cerita	Hidup Sihat Tanpa Ddaah	
	17.5.10	Nyanyian	Ceria Tanpa Rokok dan Dadah	
	24.5.10	Lakonan	Hidup Cemerlang Tanpa Dadah	
JUN	31.5.10	Sajak	Obor Membara	
	21.6.10	Main Peranan	Sekolah Bebas Dadah	
	28.6.10	Wawancara	Sekolah Bebas Dadah	
JULAI	5.7.10	Tekasilangkata		
	12.7.10	Pantun	Sekolah Bebas Dadah	
	19.7.10	Syair	Kawan Setia	
	26.7.10	Cerita	Aku Seorang Juara	
OGOS	28.8.10	Nyanyian	Kalau Ingin..	
	9.8.10	Lakonan	Cergas dan Cerdas Tanpa Dadah	
	16.8.10	Sajak	Bahagia	
	23.8.10	Main Peranan	Esok Masih Ada	
	30.8.10	Wawancara	Bersama Penghuni Rumah Pengasih	
SEPTEMBER	13.9.10	Tekasilangkata		
	20.9.10	Pantun	Hidup Cemerlang Tanpa Dadah	
	27.9.10	Syair	Keluarga Bahagia	
OKTOBER	4.10.10	Cerita	Apakah Dosaku	
	11.10.10	Nyanyian	Kami Anak Merdeka	
	18.10.10	Lakonan	Hidup Cemerlang Tanpa Dadah	
	25.10.10	Sajak	Bahagia Tanpa Arak	
NOVEMBER	1.11.10	Main Peranan	Jom Benci Rokok	
	8.11.10	Wawancara	Cergas dan Cerdas Tanpa Dadah	
	15.11.10	Tekasilangkata		
	Tambahan	Pantun	Cergas Dan Cerdas Tanpa Dadah	
	Tambahan	Syair	Satu Malaysia Satu Tujuan	
	Tambahan	Cerita	Akibat Ketagihan Inhalan	
	Tambahan	Nyanyian	Ingatan Buat Semua	
Tambahan	Lakonan	Inhalan – Kau Perosak		
Tambahan	Sajak	Bermulanya di sini		
Tambahan	Tekasilangkata			

	Tambahan	Wawancara	Masyarakat Madani Tanpa Dadah	
	Tambahan	Main Peranan	Cergas Dan Cerdas Tanpa Dadah	
	Tambahan	Nyanyian	Hindari HIV/AIDS	

**JAWATANKUASA PENGGUBAL
MODUL CUMA LIMA MINIT ANTI DADAH
SEKOLAH RENDAH NEGERI MELAKA**

- Penasihat : Hj Isa bin Hj Abu
(Pengarah Pelajaran Melaka)
- Pengerusi : Hj Manan bin Umar
(Ketua Unit Pendidikan Pencegahan Dadah Melaka)
- Timbalan Pengerusi : En Loh Chee Cheong
(Pen. Pengarah PPDa)
- Setiausaha : Pn Nordahlela bt Md Nasir (SK Malim)
- Pen. Setiausaha I : Pn Rahayu bt Babu (SK Othman Syawal)
- Pen. Setiausaha II : Pn Saerah bt Maulot (SK Bendahara Seri Maharaja)

Ahli – Ahli :

1. Pn Susilah bt Esa - SK Seri Bandar
2. Pn Rokizah bt Aman - SK Kerubong
3. Pn Rashidah bt Ismail - SK Bukit Baru
4. Pn Norliza bt Hashim - SK Tengkeri 2
5. Cik Nurul Ashikin bt Othman - SK Seri Duyong
6. Pn Asmah bt Mohd Zin - SK Ayer Keroh
7. Pn Rozitah bt Othman - SK Teluk Mas
8. En N. Vivekanandan - SK St Francis
9. En Mohamad Nazri bin Abd Razak - SK Pernu
10. Pn Siti Khatijah bt Dolmat - SK Duyong
11. Pn Ziana bt Yusof - SK Tengkeri 1
12. Pn Idayu bt Alimat - SK Kem Terendak 1
13. Pn Hj Norizah bt Abd Aziz - SK Bukit Beringin
14. En Mohd Jamil bin Ahmad - SK Kem Gerak Khas
15. En Mohd Ali Jinnah bin Kadir - SK Lereh
16. Pn Zaileena bt Abd Majid - SK Tanjong Bidara
17. Pn Siti Aisyah bt Abd Rahman - SK Bukit Beruang
18. Pn Ateyah bt Buang - SK Alai
19. Pn Norehan bt Mohamad - SK Convent Infant Jesus 2
20. Pn Ratna bt Hashim - SK Bukit Rambai
21. Pn Rusti bt Hashim - SK Padang Temu
22. En Roslan bin Taib - SK Jalan Dato' Palembang
23. Pn Zakiyah bt Zainodin - SK Datuk Hj Baginda
24. En Mohamad Bakri bin Che Amin - SK Dato' Demang Hussin
25. Pn Noryati bt Abu Yamin - SK Kesang Tua
26. Pn Nurul Huda bt Hassan - SK Bachang
27. En Mohd Yazid bin Mohd Amir - SK Naning
28. Pn Fadillah Embi - Penasihat Bahasa
29. Pn Norazimah bt Amat - Penasihat Bahasa

PANTUN PPDa

TEMA 1 - MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH

Pergi ke kebun menanam papaya,
Papaya dijual di tengah kota;
Dadah dan Aids sangat berbahaya,
Perosak bangsa negara kita.

Jebat derhaka berpaling tadah,
Menuduh Tuah melanggar sumpah;
Kalau sudah ketagihan dadah,
Bangsa musnah agama pun punah.

Samfu, kebaya dan juga sari,
Yang mana satu pilihan hati;
Usah menyiksa diri sendiri,
Dadah bukan teman sejati.

Tempat riadah Saujana Asahan,
Pergi bersama rakan dan jiran;
Mengambil dadah satu kesalahan,
Merosak badan melemahkan iman.

Dari Alor Gajah ke Kampung Gangsa,
Hendak menjerat di Parit Melana;
Jauhi dadah pemusnah bangsa,
Hidupkan berkat lebih bermakna.

TEMA 2 : KELUARGA BAHAGIA

Burung kenek-kenek,
Jatuh atas tanah;
Pesan datuk nenek,
Jangan hisap dadah.

Ikan gelama dikerat-kerat,
Untuk hidangan si burung camar;
Kerana dadah diri terjerat,
Maruah tergadai nama tercemar.

Melaka bersejarah diberi nama,
Terkenal sudah di serata dunia;
Hindarilah dadah musuh utama,
Tanpa dadah keluarga bahagia.

Terkenal bola kerana bulat,
Terkenal tukul kerana pahat;
Jika dadah dijadikan kiblat,
Hidup merana sepanjang hayat.

Hendak berkelah di Tanjung Bidara,
Janganlah lupa membawa celana;
Hilang keluarga hilang saudara,
Pengaruh dadah diri yang merana.

TEMA 3 : SEKOLAH BEBAS DADAH

Anak kenari si anak merbah,
Anak merpati di atas para,
Cemerlang sekolah tanpa dadah;
Gemilang bangsa maju negara.

Terang tanah baru nak pulang,
Duduk bermadah hati nan walang;
Tanpa dadah pelajar cemerlang,
Maju bangsa negara terbilang.

Waktu petang menunggang kuda,
Duduk berbincang di atas titi;
Cegah dadah di usia muda,
Cergas minda pelajar berkualiti.

Hendak mencari bunga angsana,
Hutan tebal jangan diredah;
Program dirancang tugas dilaksana,
Agar murid bencikan dadah.

Dara sunti berdua di tangga,
Sambil menganyam ketupat palas;
Pelbagai agensi berpadu tenaga,
Pastikan HIV AIDS terus dibanteras.

Mawar merah kesukaan mama,
Gubahan indah hiasan meja;
Sifar dadah wawasan utama,
Warga sekolah bersemangat waja.

TEMA 4 : HIDUP CEMERLANG TANPA DADAH

Melaka terkenal di mana-mana,
Tumpuan pelancong serata dunia;
Perangi dadah musuh durjana,
Usia remaja usah persia.

Pelawak terkenal bernama Nabil,
Membuat orang mudah tergelak;
Punca utama dadah diambil,
Pengaruh rakan susah ditolak.

Tenggek burung dan juga pegaga,
Pelbagai ulam sangat digemari;
Iman dipupuk takwa dijaga,
HIV dan AIDS dapat dihindari.

Singgah kuala memasang lukah,
Sambil membaca di tepi jeti;
Usah remaja tersilap langkah,
Pemimpin berjaya jadi realiti.

1Malaysia laungan bersama,
Hidup harmoni aman sejahtera;
AADK pelaksana utama,
PPDa peneraju negara.

TEMA 5 : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH

Berjalan-jalan ke Masjid Tanah,
Singgah berkelah di Tanjung Bidara;
Kerana inhalan hidup musnah,
Dijangkiti barah jiwa sengsara.

Dadah dan AIDS isu yang panas,
Arak inhalan pemusnah bangsa;
Badan cergas minda pun cerdas,
Jiwa yang aman hidup sentosa.

Di petang hening pergi berburu,
Rehat sebentar di bawah pokok;
Batuk kering kanser paru-paru,
Amaran tegar penagih rokok.

Bertemu rakan di Kesang Tua,
Menaiki bas ke Taman Indah;
Hidup ceria idaman semua,
Cergas dan cerdas tanpa dadah.

HIV AIDS tak mengenal mangsanya,
Pangkat darjat mahupun keturunan;
Penyakit bahaya tiada penawarnya,
Hidup melarat sesal berpanjangan.

SYAIR

Syair Pesanan Ibu

Wahai anak ibumu berpesan,
Waktu remaja banyak cabaran,
Besarlah dikau dengan peraturan,
Agar sejahtera sepanjang zaman.

Ibu dan ayah banyak berkorban,
Lahirkan dikau nyawa ditaruhkan,
Kasih dicurah penuh harapan,
Semoga jadi anak kebanggaan.

Pabila dikau mencari teman,
Carilah teman baik budiman,
Supaya tidak tersalah haluan,
Kelak umpama sampan di lautan.

Ilmu pengetahuan jangan dilupakan,
Itulah harta masa hadapan,
Ibu dan ayah bukanlah hartawan,
Hanyalah pelajaran dapat diberikan.

Syair Anak Wawasan

Marilah anak-anak wawasan,
Kita menyahut seruan kerajaan,
Tingkatkan diri dengan pelajaran,
Itulah senjata masa hadapan.

Sejarah lama dilupa jangan,
Hidup terseksa belunggu penjajahan,
Kerana miskin ilmu pengetahuan,
Rakyat merana tidak keruan.

Pabila penjajah dapat dikalahkan,
Muncullah dadah meracuni fikiran,
Jika tidak segera dilawan,
Pastinya ramai jadi tawanan.

Bersyukur kini dengan kemakmuran,
Terlepaslah sudah segala seksaan,
Bersama kita menjana wawasan,
Membangun negara capai kemajuan.

Syair Kawan Setia

Bijaklah bijak mencari kawan,
Mencari kawan sebagai teman,
Harta dan rupa bukan ukuran,
Kawan setia penyuluh kegelapan.

Jika kita mencari kawan,
Haruslah pandai buat pilihan,
Andai tersilap langkah tujuan,
Segeralah pulang ke pangkal jalan.

Pabila ramai kawan dan rakan,
Nasihat keluarga jangan lupakan,
Banyaklah sudah cerita teladan,
Kerana kawan merana badan.

Sebagai kawan saling ingatkan
Sikap yang buruk mesti dijauhkan
Hindari dadah perosak badan
Itulah sumpah setia kawan.

Syair Keluarga Bahagia

Keluarga bahagia impian semua
Tempat berteduh intan permata
Saling menghormati tua dan muda
Hidup ceria berseri suasana

Sayangilah keluarga sepanjang masa
Kerana keluarga payung mahkota
Andai terguris terkasar bahasa
Janganlah mudah bermasam muka

Ibu dan bapa nahkoda keluarga
Mereka lah tempat kita bermanja
Berkongsi cerita suka dan duka
Pasti terlerai resah yang ada

Wahai anak ingatlah sentiasa
Jauhi dari perbuatan durjana
Kelak keluarga rosak binasa
Keluarga itu tonggak negara

Syair Satu Malaysia Satu Tujuan

Satu bangsa satu negara
Rakyatnya hidup aman sentosa
Pelbagai bangsa adat budaya
Itulah dia Malaysia kita

Sedarlah wahai tuan semua
Kemakmuran negara bukan selamanya
Jika kita lalai dan alpa
Mudahlah musuh datang menerpa

Aduhai anak generasi muda
Kamu harapan nusa dan bangsa
Benteng negara pahlawan setia
Sanggup berkorban darah dan nyawa

Dengan semangat satu Malaysia
Marilah kita majukan bangsa
Hindari dari api sengketa
Itulah racun paling bahaya.

Cerita 1 - HATI-HATI MEMILIH KAWAN

Hadi bersekolah di Sekolah Kebangsaan Nirwana. Dia seorang murid yang pendiam tetapi pintar dalam pelajaran di sekolahnya. Hadi ialah anak tunggal dalam sebuah keluarga yang sederhana. Dia sering ditinggalkan bersendirian kerana ibu bapanya sibuk dengan urusan di luar. Dunianya cuma di rumah, bertemankan buku-buku dan bermain komputer. Seseekali, dia bermain basikal di kawasan rumahnya. Hadi senang dengan kehidupan sedemikian.

Pada suatu malam, ibu bapa Hadi tiada di rumah kerana menghadiri majlis kenduri. Kawan sekolah Hadi bernama Karim datang mengajaknya keluar berjalan-jalan tetapi Hadi menolak pelawaan tersebut. Karim terus memujuk Hadi.

Setelah dipujuk berkali-kali, akhirnya Hadi bersetuju untuk keluar mengikut Karim berjalan-jalan. Setiba sahaja mereka di persimpangan jalan, Karim mengajak Hadi untuk melepak bersama kawan-kawannya yang telah sedia menunggu di sebuah pondok di situ. Sebenarnya, Karim dan kawan-kawannya mempunyai niat jahat terhadap Hadi. Minuman yang disediakan untuk Hadi telah dicampurkan dengan sejenis dadah berbahaya yang dicuri daripada abang Karim yang sememangnya seorang penagih dadah. Tanpa mengetahui niat sebenar Karim, Hadi terus meneguk minuman tersebut.

Tidak lama selepas itu, Hadi mula berkhayal dan meracau-racau. Dengan tidak disangka-sangka, sebuah kereta peronda melalui simpang tersebut. Karim dan rakan-rakannya lari bertempiaran menyelamatkan diri, meninggalkan Hadi sendirian. Kereta peronda polis berhenti di tepi pondok tersebut apabila melihat keadaan Hadi yang mencurigakan. Hadi yang sedang khayal ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk disoal siasat.

Ibu bapa Hadi dipanggil ke balai polis untuk membantu siasatan. Pihak polis mendapati bahawa Hadi telah dianiayai oleh rakan-rakannya. Hadi dibebaskan dengan syarat dia diletakkan di bawah pengawasan ibu bapanya.

Pada keesokan hari, Karim, rakan-rakannya dan ibu bapa mereka telah dipanggil ke balai polis untuk memberi keterangan. Mereka didapati bersalah. Abang Karim pula telah diberkas oleh pihak polis dan dihantar ke pusat pemulihan. Ibu bapa mereka berasa amat malu dan berjanji akan memastikan anak mereka berkelakuan baik.

Hadi berasa amat kesal kerana terpengaruh dengan ajakan Karim. Namun, ibu bapa Hadi tetap memberikan sokongan kepadanya dan mereka berjanji tidak akan meninggalkannya

bersendirian di rumah. Hadi amat bersyukur kerana dia terselamat daripada terjebak dengan najis dadah.

Kesimpulannya, kita perlu berhati-hati memilih kawan dan setiap perbuatan pasti akan menerima balasan yang setimpal.

Cerita 2 - TEMA 4: HIDUP CEMERLANG TANPA DADAH

Di sebuah lorong gelap , Amir menderita kesakitan. Kakinya dipenuhi lalat yang menghurung pada kudisnya yang sudah bernanah.

“Aduh... Aduh.....aduh.....sakitnya kakiku ...” Amir mengerang.

Ketika itu, sepatutnya Amir berada di dalam kelas. Belajar bersama-sama rakannya. Tertawa riang bermain di padang tetapi semuanya tidak begitu. Amir telah terdampar di lorong hitam ini. Kesenangan .

“Aduh, sakit.....tolong.....aku sakit.....”

Suara Amir sayu-sayu kedengaran . Tiada siapa yang mendengarnya. Barulah dia terkenangkan ayah dan ibunya di kampung halaman.

“Amir, jangan bergaul dengan rakan yang tak tentu hala, ya nak...” terngiang-ngiang pujukan ibunya di telinga.

“Kalau kau ambil benda tu lagi, kau boleh keluar daripada rumah ini....”herdikkan ayahnya tiba-tiba membuatnya tersentak.

“Amir, kau cuba benda ni. Kalau kau ambil pasti terangkat punya. Tak jantan kalau tak cuba...”terdengar suara garau Aziz ketawa terbahak-bahak.

Sejak dari itu, Amir terus terjebak bersama rakan-rakan.

Setelah Amir terpengaruh dek kata-kata rakannya, dia sering diberi rokok percuma. Tanpa disedari, rokok tersebut telah dicampur dengan ganja iaitu sejenis dadah berbahaya. Saban hari, Amir semakin ketagih. Keluarga Amir puas menasihatinya tetapi tidak diendahkan. Kerana inginkan kebebasan, Amir lari ke kota besar Kuala Lumpur dan pemergiannya itu telah membawa kemusnahan kepada kehidupannya.

Di sinilah dia terdampar kesepian di lorong hitam yang gelap itu. Penderitaannya tidak dipedulikan. Dia ibarat sampah masyarakat. Dia menyesal tapi tidak berguna lagi. Rintihannya tidak lagi kedengaran . Mayatnya dijumpai terdampar di tebing sebatang sungai berdekatan.

Kesimpulannya kawan-kawan, kita hendaklah mendengar nasihat ibu bapa dan jangan mudah terpengaruh dengan kawan. Berfikir dahulu sebelum bertindak.

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna.

Cerita 3 - TEMA 6 : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH AKU SEORANG JUARA

Nazri seorang pelajar Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Simpang Tiga. Dia seorang murid yang pintar dan aktif dalam sukan. Dia amat meminati permainan bola sepak dan telah mewakili sekolahnya sejak tahun 2007. Nazri berjaya mewakili sekolahnya sehingga ke peringkat negeri. Kejayaannya itu menjadi kebanggaan sekolah dan keluarganya.

Dorongan daripada guru dan ibu bapa menyuntik semangatnya untuk terus berjaya sehingga ke peringkat negara.

Suatu hari dia bertemu dengan kawan lamanya Amin. Amin merupakan seroang kawan yang sama berjuang dalam pasukan bola sepak sekolah. Malangnya Amin kini tidak lagi aktif bermain bola sepak. Dia telah disingkirkan oleh jurulatih daripada pasukan sekolah kerana diitangkap merokok semasa latihan. Amin telah diberi amaran, tetapi amaran tersebut tidak diendahkan. Akibat kesan ketagihan rokok dia selalu mengantuk di dalam kelas dan tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Prestasi akademik Amin terus merosot dan Amin mula dijauhi oleh rakan-rakannya.

Amin pernah cuba mempengaruhi Nazri supaya mengikut lagaknya. Namun begitu, Nazri menolak dengan baik supaya tidak menyinggung perasaan Amin. Nazri berazam tidak mahu menerima nasib seperti Amin sehingga menjejaskan bakat dan prestasiinya sebagai pemain bola sepak sekolah. Dia akan terus berusaha mencapai impiannya untuk mewakili negara suatu hari nanti, malah dia juga bertekad untuk membimbing Amin supaya insaf dan pulang ke pangkal jalan.

Kesimpulannya, hidup adalah sebagaimana yang anda tentukan.

CERITA 4 : APAKAH DOSAKU

Sudah hampir tiga minggu Amran terlantar di wad hospital. Di sebelahnya Puan Siti, ibu kesayangan. Ibunya juga terlantar sepertinya. Kedua-dua mereka disahkan positif HIV.

Fauzi dan ibunya, Puan Rokiah ialah jiran Amran. Mereka sangat prihatin terhadap nasib kedua-dua beranak itu, begitu juga dengan Encik Faizal ayah Fauzi.

“Mama, kenapa Amran sakit?” Tanya Fauzi kepada ibunya pada suatu petang yang hening. Fauzi tidak tahan melihat Amran yang sering diejek oleh rakan-rakan lain, Amran dan Fauzi adalah kawan baik sejak kecil lagi. Kebetulan mereka belajar satu kelas sejak tahun satu hinggalah sekarang. Fauzi selalu memujuk dan menenangkan Amran apabila mereka diganggu oleh murid-murid yang nakal.

Fauzi selalu menemani Amran pada waktu rehat. Murid-murid lain tidak mahu berkawan dengan mereka malah Fauzi sendiri sering diejek kerana sanggup berkawan dengan Amran. Fauzi tidak menghiraukan itu semua kerana dia masih ingat kata-kata doktor yang menyampaikan ceramah di sekolahnya dalam Program Anti Dadah peringkat sekolah pada tahun lepas, yang mana AIDS tidak berjangkit dengan mudah kecuali melalui tindakan-tindakan tertentu.

“Eee, budak Aids!, jangan dekat dengan mereka, nanti berjangkit” jerit mereka. “Pergi, jangan ganggu kami, kalau takut dan tidak suka pergilah sana” kata Fauzi. Amran sering menitikkan air mata kerana sikap rakan-rakannya, apatah lagi ada sesetengah ibu bapa murid lain yang meminta pihak sekolah mengambil tindakan memberhentikan mereka.

Pada suatu hari, semasa Puan Rokiah melawat Amran dan Puan Siti, dia telah dimaklumkan oleh doktor yang merawat kedua beranak tersebut bahawa mereka mungkin tiada harapan untuk hidup lama.

Fauzi begitu sedih dan sedang dia asyik melayan perasaannya, tiba-tiba Fauzi terasa bahunya dipegang seseorang dan dia pun menoleh. Puan Rokiah terus memeluk Fauzi sambil membisikkan bahawa Amran telah pun meninggal. Apalah dosa Amran kerana dia dan ibunya telah dijangkiti AIDS.

Kesimpulannya, kita sebagai manusia tidak berdaya melawan takdir.

CERITA 5 : AKIBAT KETAGIHAN INHALAN

Viknesh. seorang murid Tahun Enam. Dia seorang murid yang agak lemah dalam pelajaran, tetapi mempunyai kelebihan membaiki basikal. Setiap hari, selepas pulang dari sekolah, Viknesh akan duduk berjam-jam menghadap basikalnya. Dia juga sering membantu membaiki basikal rakan-rakannya yang rosak.

Pada suatu petang, Viknesh menampal tayar basikal rakannya menggunakan gam yang dibeli di kedai Pak Amin. Selesai menampal tayar basikal, Viknesh membelek-belek gam itu sambil menghidunya berulang-kali. Semenjak dari hari itu, Viknesh sering menghabiskan masanya menghidu gam tanpa pengetahuan ibu bapanya.

Tiga hari kemudian, Viknesh telah mula ketagih menghidu gam. Semenjak hari itu, ibu Viknesh mula menyedari pelajaran anaknya semakin merosot. Anaknya sering berkurung di dalam biliknya yang gelap. Viknesh kelihatan sangat lesu dan sentiasa menggosok-gosok matanya. Ibu Viknesh mula mengesyaki sesuatu yang pelik sedang dilalui oleh Viknesh.

Pada malam itu, ibunya mengintip perlakuan Viknesh. Dilihatnya Viknesh sedang asyik menghidu setin gam. Tiba-tiba Viknesh rebah dan tidak sedarkan diri. Viknesh terus dikejarkan ke hospital. Setelah diperiksa, doktor mengesahkan penyakit Viknesh amat serius. Barulah ibunya mengetahui bahawa Viknesh menghidap ketagihan akibat inhalan.

Akibat daripada peristiwa itu, Viknesh menerima rawatan intensif. Kesan yang dialami oleh Viknesh daripada ketagihan inhalan amatlah buruk sekali. Saraf otak Viknesh terjejas dan mengecut, hati dan buah pinggangnya rosak teruk serta seluruh sistem badannya tidak dapat lagi berfungsi dengan sempurna untuk selama-lamanya.

Oleh itu, kawan-kawan, banyak kesan buruk akibat menghidu gam atau inhalan. Walau berapa lamapun tempoh ketagihan inhalan yang seseorang itu lalui, kesan yang diperolehinya amatlah buruk dan membawa maut. Apa yang berlaku kepada Viknesh, jadikanlah ia sebagai teladan. Ingatlah, kesihatan dan kewarasan kita lebih berharga daripada segala-galanya di dunia ini. Hargailah hidup ini dengan sebaik-baiknya.

NYANYIAN

LAGU

LAGU 1

JOM BENCI ROKOK

Melody : Anak Itik Tok Wi

Cucu :

Buat apa Tok Wi, duduk tepi pokok,
Sakit apa Tok Wi, sakit batuk-batuk,
Sebab apa Tok Wi, kuat hidap rokok,
Mari azam Tok Wi, kita benci rokok.

Datuk:

Wahai cucu Tok Wi, dengar pesan datuk,
Azam dalam diri, kita benci rokok,
Sihat tubuh badan, untuk hari esok,
Mari sama-sama, kita musnah rokok.

(ulang semula)

LAGU 2

CERIA TANPA ROKOK DAN DADAH

**(TEMA : SEKOLAH BEBAS DADAH)
(MELODY : BASIKAL TUA – SUDIRMAN)**

**SENANG HATI KU SHA LA LA LA LA
BERSAMA RAKAN RIANG BELAJAR
KAMI GEMBIRA SIHAT SEJAHTERA
MAKAN DAN MINUM SERING DIJAGA**

**KAMI SEMUA TIDAK MEROKOK
BICARA LANCAR TANPA BATUK-BATUK
KAMI BEBAS DARIPADA DADAH
GERAK PANTAS TANPA LENGAH-LENGAH**

**C/O
SIHAT CERIA, CERDASKAN MINDA
MURID CEMERLANG, SEKOLAH TERBILANG**

(ULANG RANGKAP 1)

**KAMI SEMUA TIDAK HIDU GAM
KELUARGA BAHAGIA JUGA TENTERAM
USIA MUDA TIDAK DIPERSIA
AZAM KAMI UNTUK BERJAYA**

(ULANG C/O)

LAGU 3

HIDUP CERIA

(TEMA : KELUARGA BAHAGIA)

(MELODY : BAPA KU PULANG DARI KOTA)

**BAPA KU SEORANG YANG CERIA
BAPA KU SIHAT DAN PERKASA
ROKOK TIADA DADAH TIADA
KEBANGGAAN KAMI SEKELUARGA**

**LA LA LA LA LA LA LA LA
HIDUP CERIA DAN GEMBIRA
MARILAH KAWAN MARI KATA
TIADA DADAH HIDUP CERIA**

LAGU 4

KALAU INGIN

(TEMA : HIDUP GEMBIRA TANPA DADAH)

(MELODY : KALAU KAMU GEMBIRA)

- Budak Nakal* : KALAU INGIN GEMBIRA AMBIL DADAH ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN GEMBIRA AMBIL DADAH ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN GEMBIRA BEGINIKAH CARANYA ?
KALAU INGIN GEMBIRA AMBIL DADAH?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN CERIA AMBIL ROKOK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN CERIA AMBIL ROKOK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN CERIA, BEGINIKAH CARANYA ?
KALAU INGIN CERIA AMBIL ROKOK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN BAHAGIA MINUM ARAK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN BAHAGIA MINUM ARAK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !
- Budak Nakal* : KALAU INGIN BAHAGIA, BEGINIKAH CARANYA ?
KALAU INGIN BAHAGIA MINUM ARAK ?
- Semua Murid* : TAK NAK !

Lagu 5

KAMI ANAK MERDEKA

(TEMA :
(MELODY : KAMI GURU MALAYSIA)

KAMI ANAK MERDEKA
BERIKRAR DAN BERJANJI
MEMBENTUK DAN MEMBINA
JATI DIRI YANG PERKASA

PADA AYAH DAN BONDA
KAMI TAAT DAN SETIA,
JAUHI MUSUH NEGARA
MENJADI ANAK YANG BERGUNA

INHALAN DAN JUGA DADAH
KAMI BENCI SEMUANYA
PERANGI...MUSUHI...
HIDUP AKAN BAHAGIA

MARILAH KITA SEMUA
AMAL HIDUP YANG SEJAHTERA
PANDUAN KITA SEMUA
HIDUP CERIA TANPA DADAH (ULANG 2X)

LAGU 6

INGATAN BUAT SEMUA

(TEMA : CERGAS CERDAS TANPA DADAH)
(MELODY : TREK....TEK....TEK)

DENGARLAH KAWAN SATU CERITA	TREK...TEK...TEK
ARAK, INHALAN MUSUH NEGARA	TREK...TEK...TEK
MARILAH KITA CEGAH BERSAMA	TREK...TEK...TEK
DEMI MEMBINA NEGARA BANGSA	TREK...TEK...TEK

HIV DAN AIDS SATU BENCANA	TREK...TEK...TEK
JADI INGATAN KITA SEMUA	TREK...TEK...TEK
JIKA TERJEBAK PASTI MERANA	TREK...TEK...TEK
SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA	TREK...TEK...TEK

SAYANGI DIRI JUGA KELUARGA	TREK...TEK...TEK
JANGAN DITURUT NAFSU YANG HINA	TREK...TEK...TEK
TERUSKAN CITA JAGA MARUAH	TREK...TEK...TEK
NEGARA MAJU BANGSA BERJAYA	TREK...TEK...TEK

LAGU 7

MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH

(TEMA : MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH)

(MELODY : NASYID - SEPOHON KAYU)

ARAK DAN DADAH UMPAMA RACUN
PEMUSNAH DIRI JUGA KELUARGA
MENJADI MUSUH BANGSA YANG SANTUN
PABILA TERJEBAK WARGA BINASA } ULANG 2 X

BANGSA YANG GAGAH MENJADI LEMAH
AKIBAT DADAH RACUN DURJANA
NEGARA HANCUR RAKYAT BERPECAH
MUSNAH NEGARA DITIMPA BENCANA } ULANG 2 X

SEBATANG ROKOK BANYAK BAHAYA
BERSATU KITA MENGHINDARINYA
AGAR MASYARAKAT SIHAT BAHAGIA
HIDUP SELESA AMAN SEJAHTERA } ULANG 2 X

JANGAN MENCUBA SEKALI-KALI
ROKOK, ARAK, DADAH PEMUSNAH DIRI
1 MALAYSIA JANGAN DICEMARI
TEGUH NEGARA BERSATU HATI } ULANG 2 X

(ULANG SEMUA RANGKAP)

LAGU 8

HINDARI HIV AIDS

(TEMA : KELUARGA BAHAGIA)

(MELODY : RAJIN ADIK RAJIN)

**RAJIN ADIK RAJIN
RAJIN KE SEKOLAH
KELUAR MINTA IZIN
TANYA IBU AYAH**

**PESAN AYAH IBU
RAJIN BACA BUKU
IKUT KATA CIKGU
BOLEH TAMBAH ILMU**

**JIKA MAHU HIDUP LEBIH DIBERKATI
HIV AIDS PERLU DIHINDARI
BADAN LEBIH SIHAT RASA SENANG HATI
HIDUP DIBERKATI, DIRI DISAYANGI**

SKRIP AKTIVITI LAKONAN

Situasi 1 : Tema – Keluarga Bahagia

Pada suatu petang semasa Aiman sedang minum petang bersama ibunya. Tiba-tiba Aiman teringat tentang Program Kempen Anti Dadah yang telah diadakan di sekolahnya pada hari tersebut.

Aiman	Ibu, di sekolah tadi diadakan kempen anti dadah.
Ibu	Apakah aktiviti yang dijalankan?
Aiman	Ada ceramah daripada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan
Ibu	Apa yang diperkatakan oleh penceramah Agensi Anti Dadah Kebangsaan itu tadi, Aiman?
Aiman	Dadah sangat berbahaya kepada kesihatan kita jika disalahgunakan. Ni yang buat Aiman keliru. Bukankah dadah digunakan untuk perubatan?
Ibu	Sebenarnya, ibu ada terbaca dalam risalah di hospital tempoh hari. Dadah memang diperlukan dalam perubatan tetapi perlu mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh pakar-pakar perubatan.
Aiman	Oh, begitu sebenarnya! Dadah yang diambil secara berlebihan dan tanpa kawalan boleh merosakkan diri kita, kan ibu?
Ibu	Apa lagi kata penceramah itu, Aiman ?
Aiman	Dadah juga menjadi punca pelbagai penyakit, meningkatkan kes jenayah dan merosakkan masa depan kita.
Ibu	Betul tu, Aiman. Jika kita menjauhkan diri daripada dadah, kehidupan masa depan akan lebih bahagia dan cemerlang.
Aiman	Ibu, betulkah saya dengar, mereka yang mengambil dadah itu bermula dengan merokok?
Ibu	Betul lah tu, Aiman. Kebanyakan mereka mula merokok sejak di bangku sekolah lagi.
Aiman	Oleh itu bu, Aiman rasa kita perlu pandai memilih kawan.
Ibu	Jadi, Aiman berkawanlah dengan mereka yang mengamalkan gaya hidup sihat supaya badan cergas dan minda cerdas tanpa dadah.
Aiman	Baiklah bu, Aiman akan ikut segala nasihat ibu.

Situasi 2 : Tema – Hidup Cemerlangan Tanpa Dadah

Lawatan ke Pusat Serenti sempena Program Selepas UPSR.

Guru	Murid semua, sekarang kita telah sampai ke destinasi
Danial	Wah, ramainya penghuni di pusat serenti ini!
Warder	Memang, kerana mereka adalah bekas-bekas penagih dadah.
Suresh	Mengapa mereka ditahan di sini dan apakah kesalahan mereka?
Cikgu	Mereka ditahan kerana terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan najis dadah
Danial	Oh! Kalau begitu berapa lama mereka dikurung di sini?
Warder	Ya, mereka akan berada di sini antara selama 6 bulan hingga 3 tahun mengikut kesalahan yang dilakukan.
Suresh	Jadi, apa hukuman yang mereka terima atas kesalahan tersebut?
Warder	Sepanjang tempoh tahanan , mereka akan menjalani sesi kaunseling individu, sesi kelompok, dan proses pemulihan
Danial	Tuan, apakah punca yang menyebabkan mereka terjebak dengan najis dadah?
Warder	Oh, banyak! Antaranya ialah mereka yang suka merokok semenjak di bangku sekolah dan mereka yang terlibat dengan inhalan.
Suresh	Tuan, inhalan tu apa?
Warder	Inhalan adalah sejenis bahan cecair yang apabila dihidu akan mengkhayalkan.
Danial	Oh, yakah? Mengapa merokok dan menghidu gam itu boleh menyebabkan seseorang itu ketagih kepada dadah?
Warder	Mudah saja. Kebiasaannya, perokok di kalangan awal remaja mudah terpengaruh untuk mencuba sesuatu yang baru terutama dalam penyalahgunaan dadah. Bagi mereka, dadah itu dapat menyelesaikan semua masalah.
Suresh	Betulkah tuan? Kalau begitu, najis dadah terlalu bahaya untuk kita semua.
Warden	Betul kata awak tu. Kita semua akan lebih bahagia dan ceria tanpa dadah
Suresh	Terima kasih kerana mengingatkan kami semua
Warder	Sama-sama.
Cikgu	Baiklah murid-murid, kita dah selesai mengadakan lawatan. Bas kita pun dah sampai. Eloklah kita bertolak sekarang. Terima kasih Encik Salleh kerana sudi menerima kunjungan kami.

Situasi 3 : Tema – Cergas dan Cerdas Tanpa Dadah

Nor Dini anak tunggal yang telah kematian ayah 7 tahun dulu. Noor Dini berkawan baik dengan Nor Aqilah, kawan sekelasnya yang juga berjiran. Dalam perjalanan pulang dari sekolah.....

(*Aqilah terus-terusan mendesak Dini untuk berterus terang kerana Aqilah dapat rasakan kawan baiknya ada merahsiakan sesuatu daripadanya*)

Aqilah	Dini, mengapa awak diam saja? Saya lihat muka awak sedih. Macam ada masalah?
Dini	Eemm...tak adalah.
Aqilah	Ceritalah pada saya. Mana tau saya boleh membantu awak.
Dini	Sebenarnya saya susah hati sebab emak saya sakit Doktor telah mengesahkan emak saya mengidap penyakit AIDS yang dijangkiti daripada ayah saya. Awak tahukan...arwah ayah saya seorang penagih dadah?
Aqilah	Bukankah arwah ayah awak telah lama meninggal dan seingat saya, ayah awak telah meninggal 7 tahun yang lalu. Mengapa sekarang baru dijangkiti?
Dini	Doktor kata, penyakit AIDS mengambil masa yang lama untuk berjangkit dalam badan seseorang.
Aqilah	Bagaimana penyakit ini boleh berjangkit, ya?
Dina	Apa yang doktor kata, ini boleh berlaku semasa pemindahan darah. Amalan seks bebas dan melalui cecair yang dikeluarkan dari badan.
Aqilah	Oh, begitukah? Bagaimana dengan kesihatan awak pula?
Dini	Doktor mengesahkan saya sihat tetapi perlu menjaga kesihatan dan berwaspada dalam pergaulan dengan emak.
Aqila	Saya tak faham apa yang awak maksudkan dengan berwaspada dalam pergaulan awak dengan emak awak. Bukankah AIDS tidak boleh dijangkiti melalui sentuhan?
Dini	Sebenarnya doktor kata saya tidak boleh makan sisa makanan mak. Berkongsi peralatan seperti berus gigi dan sudupun tak boleh. Lagi satu, jika emak luka, saya tidak boleh sewenang-wenang menyentuhnya.
Aqilah	Walaupun awak mengawal diri daripada dijangkiti penyakit AIDS tetapi janganlah sampai menyinggung perasaan emak awak. Dini, berat mata memandang berat lagi bahu memikul.
Dini	Saya faham. Terima kasih Aqilah. Saya akan sentiasa menyayangi emak saya hingga akhir hayatnya.
Aqilah	Tahniah, Dini. Awak seorang yang tabah. Saya kagum akan sikap awak. Semoga ibu awak akan segera sembuh.

Situasi 4 : Tema – Hidup Cemerlang Tanpa Dadah

Arman murid tahun 6. Kawan-kawannya terdiri daripada murid-murid sekolah menengah kerana mereka tinggal berjiran. Arman murid yang pendiam dan tidak suka berkawan dengan rakan sekelasnya. Di dalam kelas, Arman selalu mengantuk dan kadang-kadang hingga tertidur di mejanya. Ada ketika menjadi pemarah tidak tentu pasal. Guru-guru yang masuk ke kelasnya selalu memarahinya. Suatu hari, guru kelasnya, Puan Hasnah mendapat maklumat daripada rakan-rakannya mengatakan Arman bersama kawan-kawannya menghidu gam berhampiran dengan rumahnya.

Puan Hasnah	Arman, mengapa kamu selalu mengantuk dalam kelas semasa saya sedang mengajar?
Arman	Saya menolong ayah berniaga di pasar malam. Balik berniaga pukul 1 pagi cikgu. Sebab itulah saya mengantuk.
Puan Hasnah	Awak bercakap bohong dengan saya, Arman. Cuba awak berterus terang. Sebab saya tahu ayah awak ada pekerja yang membantunya berniaga. Cikgu mendapat maklumat, kamu bergaul dengan pelajar-pelajar yang lebih dewasa daripada kamu. Cikgu bimbang kalau-kalau awak ada melakukan perkara-perkara yang tidak baik.
Arman	(<i>Arman tunduk sambil mengeleng-gelengkan kepalanya</i>)
Puan Hasnah	Arman, lebih baik awak beritahu cikgu, apa yang menyebabkan awak selalu mengantuk semasa dalam kelas. Kalau awak berdegil, saya akan hantar awak kepada Guru Besar atau cikgu akan telefon ayah awak.
Arman	(<i>Arman mula resah dan takut sambil merayu-rayu supaya cikgu tidak menelefon ayahnya. Akhirnya, Arman menceritakan perkara yang sebenarnya.</i>). Saya mengikut kawan-kawan menghidu gam, cikgu.
Puan Hasnah	Awak menghidu gam, Arman ! (<i>cikgu terkejut dengan pengakuan Arman itu</i>). Sejak bila awak menghidu gam?
Arman	Baru nak cuba-cuba, cikgu. Itu pun kawan-kawan yang beri, bukan saya beli.
Puan Hasnah	Patutlah cikgu lihat mata awak selalu merah, hidung berair, mengantuk dan selalu marah-marah tidak tentu pasal. Untuk pengetahuan awak, menghidu gam lebih bahaya daripada menghisap dadah. Menghidu gam boleh menyebabkan kita khayal dan akibatnya akan merosakkan sistem saraf otak kita.
Arman	Kalau saya tidak menghidu gam, saya jadi tidak tentu arah dan apa yang saya buat serba tak kena.
Puan Hasnah	Kalau begitu, cikgu rasa awak telah mula ketagih. Cikgu perlu

	berbincang dengan ayah awak.
Arman	(<i>Arman merayu-rayu. Matanya merah seakan-akan hendak menangis</i>)
Puan Hasnah	Jangan begitu, Arman. Ini untuk kebaikan dan masa depan awak. Cikgu perlu berbincang dengan ayah awak supaya membawa awak berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan khidmat kaunseling di sana.
Arman	Saya takut cikgu. Ayah tentu akan memarahi dan memukul saya.
Puan Hasnah	Cikgu akan membantu awak. Awak jangan bimbang.
Arman	Terima kasih, cikgu. Saya akan dengar nasihat cikgu. Saya menyesal atas perbuatan saya dan saya berjanji tidak akan melakukan perkara itu lagi. Saya juga akan memilih kawan yang seusia dengan saya dan saya akan pastikan mereka tidak melakukan aktiviti yang tidak baik.
Puan Hasnah	Baiklah Arman. Kita ke rumah kamu sekarang.

Situasi 5

INHALAN – KAU PEROSAK

Kumpulan pasukan olahraga acara larian Sekolah Kebangsaan Sempang 3 begitu terkenal dengan pelari-pelarinya yang handal untuk acara berkumpulan. Pada awal tahun ini, seperti biasa, Naim, Zaidi, Razman dan Omar begitu gembira kerana terpilih mewakili pasukan sekolah dalam acara larian 4 x 200 meter. Mereka telah menjalani latihan beberapa kali dengan dibimbing oleh jurulatih acara larian sekolah tersebut. Latihan menjadi lebih kerap kerana hari pertandingan sebenar akan bermula beberapa hari lagi.

Zaidi	Razman, nampaknya kumpulan kita ini sudah terkenal dalam sekolah kita. Dalam perhimpunan pun, kumpulan larian kita disebut-sebut oleh guru kokurikulum.
Razman	Mestilah, kita sudah banyak menjalani latihan. Kita berempat memang hebat dan benar-benar menjadi harapan sekolah supaya menjadi johan peringkat negeri acara larian berpasukan ini.
Naim	Oh, yakah! Tapi saya rasa, kita belum tentu akan menang. Kaki saya ni sekali-sekala berasa sakit. Kepala saya pun sering pening. Saya rasa kumpulan kita tidak boleh menjadi johan lah.
Omar	Eh, eh, kau ni Naim! Apa pula kau merepek ni? Tinggal beberapa hari lagi kita akan menyertai pertandingan sebenar. Jangan buat main-main, Naim. Kita ni harapan sekolah. Jika kita berjaya memenangi pertandingan ini sebagai johan negeri, kita dapat mengharumkan nama kita dan sekolah kita. Kita akan memperoleh sijil kemenangan yang berguna untuk ke sekolah menengah yang terbaik.
Naim	Yalah, kita cubalah sedaya upaya. Mudah-mudahan kita berjaya.
	(<i>Naim bercakap dengan suara yang lemah. Matanya kelihatan merenung jauh seolah-olah menyembunyikan suatu rahsia</i>)
	<i>Pada hari yang lain...</i>
Zaidi	Razman! Omar! Kau orang dengar tak? Tadi Naim pengsan. Dia terjatuh di bilik air. Cikgu Kamaruddin telah menghubungi ambulans.
Omar	Oh, begitukah! Saya tak sangka pula Naim tiba-tiba jadi begitu. Tapi, pada minggu lepas, saya masih ingat Naim kata kakinya selalu sakit dan kepalanya sering terasa pening.
Razman	Ya lah! Saya pun terkejut ni. Mari kita bertanya kepada cikgu apa yang sebenarnya terjadi kepada kawan baik kita itu.

(Mereka terus berjumpa jurulatih pasukan olahraga sekolah mereka untuk bertanya mengenai keadaan Naim. Malangnya pada keesokan hari, mereka mendapat berita yang mengejutkan. Rupa-rupanya, Naim telah mencuba-cuba menghidu gam. Doktor mengesahkan ini yang menyebabkan kaki Naim sering sakit. Kepalanya juga selalu pening dan akhirnya dia pengsan. Jurulatih olahraga kelihatan begitu kecewa dengan berita buruk ini kerana Naim terpengaruh dengan amalan menghidu gam. Naim terpaksa digantikan dengan peserta simpanan untuk acara larian yang akan bermula pada keesokannya. Razman dan rakan-rakannya berasa sangat sedih kerana Naim merupakan pelari yang terbaik dalam kumpulan itu. Namun, akibat menghidu gam mereka terpaksa kehilangannya)

TEMA: MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH

SAJAK: MASYARAKAT MADANI BERJIWA MURNI

Ikatan murni... tersimpul rapi
Umat manusia...
Mengukuh erat sehati sejiwa
Bersatu melakar wajah
Menempa sejarah
Masyarakat madani di mata dunia

Paduan kukuh 1Malaysia
“Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”
Kita perindah...
Hiasi dengan madah pusaka
Tingkatkan perpaduan...
Binalah insan gemilang
Masyarakat madani ini...
Kita perkukuhkan...
Dengan tiupan semangat membara
Pupuklah ia dengan bayu kesabaran
Agungkan ia...
Bersama Nur keikhlasan
Moga...
Masyarakat madani ini
Terus kukuh...utuh
Megah...
Tanpa najis dadah durjana.

TEMA : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH

SAJAK : OBOR MEMBARA

Wahai anak bangsa
Mari bersatu hati menggenggam janji
Aturlah langkah dengan gagah
Menggapai obor cita nan satu
Melonjak martabat
Malaysiaku...

Bermulanya...
Satu era begitu mencabar
Kekuatan fizikal dan mental
Generasi baharu
Kesinambungan mereka terdahulu

Anak bangsaku...
Semaikan ilmu dan iman
di minda...di sanubari si Kecil
Seawal lahir menatap bumi
Seawal berputiknya ABC

Moga satu detik ketikanya
Akan bercambahlah
Dan....
Berputiklah
Para ilmuan negara
Minda, jasmani, emosi dan rohani
Sama bangun...
Tidak jatuh menyembah tanah
Bahana najis dadah

TEMA: HIDUP CEMERLANG TANPA DADAH

SAJAK : BAHAGIANYA...

Kini...

Aku berada di menara gading

Satu demi satu...

Liku kehidupan aku lalui

Telah kuguna sepenuh mindaku

Telah kugali sedalam-dalam ilmu

Telah kutangkis tiap onak merintang

Dalam menggalas semangat juang

Agar terus cemerlang...

Kini...

Sewaktu tubuh ini gagah berdiri

Akan ku rentas belantara kehidupan

Akan ku dukung cita-cita menggunung

Berbekal tunjuk ajar para guru

Ku taati nasihat ayah ibu

Agar dudukku....

Di menara gading ini

Mampu melakar sejarah

Lalu...

Menjadi idola bangsa Malaysia

Kini...

Akan ku bukti

Anak Malaysia pasti bebas dadah..

Pasti menjadi peneraju negara

Pencetus masyarakat berjaya

Akan terhasil bangsa ceria

Hidup bahagia tanpa dadah

TEMA: KELUARGA BAHAGIA

SAJAK : BAHAGIA TANPA ARAK

Bangkitlah kawan-kawanku...

Asahlah ilmu...hidupkan sumbu...

Halakan matlamat nan satu dengan penuh jitu

Arus kesengsaraan biarkan berlalu...

Gapai impian ...ciptalah kejayaan

Inilah tapak permulaan

Anjakkan semangat penuh keyakinan

Tataplah wajah ibu bapa kita

Adakah kegagalan yang ingin kita persembahkan?

Nasihat bagaimana yang kita harapkan?...Ingatlah...

Pesanan merekalah sumber rujukan

Agar bahagia kekal berpanjangan...

Ayuh rakan..., ayuh taulan...

Rancangkan hidup dengan berkesan

Arak pemusnah kita lupakan

Kekal bahagia sepanjang zaman...

TEMA: SEKOLAH BEBAS DADAH

SAJAK : BERMULANYA DI SINI

Pagi nan cerah...

Kokokan si Jalak memecah sunyi

Kala mata terbuka

Tanamkan dalam mindamu

Sematkan dalam dirimu

“Aku pasti berjaya!”

Bangunlah...

Persiap diri dengan bergaya

Semangat suci untuk ke sekolah

Pupuk iltizam setiap langkah

Tepislah...hindarkan...

Gudang garam, inhalan dan dadah

Apa saja yang datang menerjah

Kerna...

Kita mampu melakukannya.

Hadaplah...

Semua ini dengan terbuka

Jadikan sekolah tempat mulia

Mendidik memimpin

Membentuk peribadi berakhlak tinggi

Mampu mencorak generasi bestari

Sematkan...

Dalam setiap hati-hati kita

Ilmu ibarat cahaya mentari

Menyerlah sinar pada yang sudi

Guru bagaikan penyuluh jalan

Ajaran mereka menjanjikan kejayaan

Patuhilah kata-kata mereka

Kelak cemerlang, gemilang dan terbilang

Walau di mana kita berada

BIDANG : MAIN PERANAN (1)
TAJUK : MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH

Ketika Ali sedang menuju ke perhentian bas, tiba-tiba kedengaran suara perempuan menjerit meminta tolong.

Puan Lim : Tolong..., tolong ! Beg saya telah diragut.

Ali terus menghampiri perempuan tua itu.

Ali : Kenapa mak cik?

Puan Lim : Beg saya telah diragut. Peragut itu telah berlari ke arah sana.
(sambil menunjuk ke arah peragut itu)

Ali terus mengejar peragut tersebut. Pada masa yang sama, polis yang sedang meronda di kawasan itu, turut sama mengejar peragut tersebut. Akhirnya peragut tersebut telah berjaya diberkas.

Ali : Mak cik, ini begnya. (dengan termengah-mengah kepenatan).

Puan Lim : Terima kasih banyak-banyak. Rupa-rupanya masih ada lagi rakyat Malaysia yang prihatin dan bertanggungjawab.

Ali : Sama-sama auntie. Encik, saya rasa peragut ini seorang penagih dadah.
Lihat saja matanya yang merah itu.

Polis peronda : Inilah orangnya yang dikehendaki oleh pihak polis kerana disyaki sering meragut di kawasan ini. Dia memang seorang penagih dadah. Saya akan membawa peragut ini ke balai untuk membuat siasatan lanjut. Terima kasih dan syabas kerana membantu kami untuk membanteras penjenayah seperti ini. Pihak polis berasa bangga kerana ada pemuda seperti kamu.

Puan Lim : Yalah Encik, bagus jika semua rakyat Malaysia bersikap seperti pemuda ini. Bukannya seperti penagih itu yang hanya menjadi sampah masyarakat. Terima kasih kerana menolong mak cik. Semooga Tuhan membalas jasa baik kamu.

Ali : Sama-sama mak cik. Memang menjadi tanggungjawab kita bersama untuk saling membantu dan menjaga keamanan Negara kita yang tercinta ini.

Polis peronda : Betul tu. Sekarang saya akan membawa peragut ini ke balai.

Puan Lim dan encik pun perlu ikut saya ke balai polis untuk membuat Laporan tentang kejadian ini.

Pemuda dan Puan Lim pun mengikut pegawai polis tersebut ke balai polis.

Pengajaran :

1. Apabila kita berjalan, pastikan kita berjalan menentang arus agar kita Nampak individu yang datang dari arah bertentangan.
2. Selalu prihatin dengan keadaan sekeliling.
3. Mengamalkan sikap tolong-menolong di antara satu dengan lain tanpa mengira kaum.

BIDANG : MAIN PERANAN (2)

TEMA : SEKOLAH BEBAS DADAH

Suatu petang yang cerah, Roslan dalam perjalanan untuk menghadiri kegiatan ko-kurikulum yang diadakan di sekolahnya. Dalam perjalanan tersebut, seorang pemuda yang tidak dikenali menghampiri lalu menyapanya

Taib : Adik hendak pergi ke mana?

Roslan : Saya hendak pergi ke sekolah.

Taib : Adik boleh tolong abang tak?

Roslan : Tolong apa bang? Saya hendak ke sekolah ini.

Taib : Boleh tolong berikan bungkusan ini tak?

Roslan : Kepada siapa bang?

Taib : Abang Nazri, penjual air di depan sekolah adik itu.

Roslan : Tidak bolehlah bang. Saya hendak cepat. Kalau lambat nanti cikgu Rokiza marah.

Taib : Bolehlah dik. Tolong abang. Nanti abang bagi upahnya.

Roslan pun mengambil bungkusan tersebut.

Suasana di sekolah

Roslan : Kawan-kawan, hari ini aku akan belanja kamu semua.

Raju : Wah, Roslan, banyaknya kau bawa makanan hari ini!

Cheong : Betullah. Mana kau dapat duit untuk membeli makanan sebanyak ini?

Roslan berasa gembira mendengar kata-kata daripada kawan-kawannya. Dengan rasa bangga, Roslan menunjukkan beberapa keping wang kertas RM10 kepada kawan-kawannya.

Tanpa mereka sedari, perlakuan mereka sedang diperhatikan oleh Cikgu Rokiza, Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum. Cikgu Rokiza memanggil Roslan dan kawan-kawannya.

Cikgu Rokiza : Hei, kamu! Mengapa kamu masih tidak masuk ke kelas lagi? Mari sini. Roslan dan kawan-kawannya berasa takut. Dengan perasaan takut dan serba salah, Roslan menceritakan segala-galanya kepada Cikgu Rokiza. Curiga dengan cerita tersebut, Cikgu Rokiza meminta Roslan menyerahkan barang yang dimaksudkan kepadanya. Cikgu Rokiza segera membuka bungkusan tersebut dan mendapati terkandung pelbagai jenis pil yang berwarna-warni. Cikgu Rokiza telah berbincang dengan Guru Besar dan mereka bersetuju untuk menghubungi pihak polis cawangan Narkotik.

Tidak lama kemudian, pihak polis pun sampai ke sekolah. Pihak polis telah membuat pemeriksaan ke atas barang yang dibawa oleh Roslan tadi.

Cikgu Rokiza : Roslan, adakah awak tahu apakah kandungan bungkusan yang awak bawa tadi?

Roslan : Saya tidak tahu cikgu. Saya hanya membawa bungkusan ini sahaja.

Cikgu Rokiza : Bungkusan tadi itu sebenarnya mengandungi dadah. Mujur awak belum menyerahkan bungkusan tersebut.

Roslan : Saya minta maaf cikgu. Saya benar-benar tidak tahu.

Cikgu Rokiza : Lain kali, awak perlu berhati-hati. Jangan mudah percaya kepada seseorang yang tidak dikenali dan awak juga tidak boleh menerima pemberian orang sesuka hati.

BIDANG : MAIN PERANAN (3)

TEMA : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH

TAJUK : ESOK MASIH ADA

Situasi 1

Mak Temah : Apa nak jadi dengan kau ni, Alif? Apa yang kau dah buat? Heboh orang bercakap tentang kau. Mencuri di Kedai Pak Mat lah, berkawan dengan budak-budak nakal dan macam-macam lagi yang menyakitkan hati mak.

Kata-kata ibunya masih terngiang-ngiang di kotak fikiran. Alif berasa sangat rungsing memikirkannya. Mengapa orang masih bersangka buruk kepada aku? Sedangkan aku tidak bersalah, aku telah berubah! Demi Tuhan, aku tidak melakukannya!

Situasi 2

Alif duduk termenung mengenangkan peristiwa hitam yang hampir memusnahkan masa depannya.

Jamil : Alif, kau nak ikut aku melepak tak? Aku bosanlah! Asyik duduk memerap di rumah saja...

Alif : *Okey.* Aku pun tak ada buat apa-apa ni. Tapi, kau nak ajak aku melepak di mana?

Jamil : Ala...kau ikut saja la. Jangan banyak tanya.

Jamil membawa Alif ke satu kawasan rumah tinggal yang terletak agak jauh dari rumah mereka.

Alif : Eh, Jamil! Tempat apa ni? Lain macam saja aku tengok.

Jamil : Tempat ini lah *best!* Tak ada orang kacau.

Jamil mengajak Alif duduk di satu sudut di dalam rumah tinggal itu. Jamil mengeluarkan satu tin yang dibawanya lantas menghidunya. Alif hanya memerhatikan gelagat rakannya itu dengan perasaan ingin tahu. Tidak berapa lama kemudian, Jamil seolah-olah hilang pertimbangan. Dia kelihatan seronok dan khayal. Perasaan ingin tahu Alif semakin menebal dan menguasai dirinya. Tanpa berfikir panjang, Alif lantas meniru perbuatan Jamil.

Peristiwa itulah menjadi titik tolak perubahan dalam kehidupan Alif. Dia mulai pandai menipu kedua ibu bapanya, mencuri dan berkawan dengan budak-budak nakal. Alif terus hanyut dalam kehidupan baharunya. Dia langsung tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan keluarganya. Namun, keseronokan yang dikecapi oleh Alif, tidak lama. Kegiatan dia menghidu gam akhirnya terbongkar bak kata pepatah, ” Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua”. Alif telah ditangkap dan dimasukkan ke pusat pemulihan.

Situasi 3

Beberapa tahun berlalu di pusat pemulihan...

Warden : Baiklah, Alif. Hari ini merupakan hari terakhir kamu di sini. Sudah sampai masanya kamu kembali ke pangkal jalan. Saya berharap kamu dapat menjalani kehidupan yang lebih baik selepas ini. Jangan sesekali kamu terpengaruh dengan perkara-perkara negatif dan mengulangi peristiwa hitam dulu.

Alif : Terima kasih, tuan. Saya berjanji akan berubah dan tidak akan mengulangi perbuatan saya yang tidak bermoral dulu. Saya sangat menyesal dan insaf atas apa yang berlaku kepada diri saya, tuan.

Jauh di sudut hati Alif, dia berazam untuk membersihkan nama baiknya dan keluarga. Akan tetapi, segelintir masyarakat masih menganggap dia seorang pesalah, termasuk ibunya. Walaupun berasa kecewa dengan penerimaan masyarakat, namun Alif tetap bersemangat untuk membuktikan bahawa insan sepertinya perlu diberi peluang menjalani kehidupan seperti orang lain.

Akan aku buktikan...Aku pasti esok masih ada... Malam pun melabuhkan tirainya.

BIDANG :MAIN PERANAN (4)
TEMA :JOM BENCI ROKOK

Sewaktu perhimpunan rasmi Sekolah Kebangsaan Seri Pagi, Cikgu Alyaa selaku guru bertugas, telah menyampaikan satu berita yang menyedihkan iaitu bapa Fatin Nabila, ketua murid, telah meninggal dunia beberapa hari yang lalu. Cikgu Alyaa telah menjemput Fatin untuk menerima sumbangan daripada guru-guru dan rakan-rakan. Fatin Nabila mengucapkan terima kasih atas sumbangan tersebut dan dia mengambil kesempatan itu untuk berkongsi cerita dengan semua rakan dan guru tentang apa yang telah berlaku ke atas allahyarham bapanya.

Dengan perasaan sebak, Fatin memulakan cerita...

“ Saya berasa sangat sedih dengan nasib yang menimpa ayah saya.

*Untuk pengetahuan guru-guru dan rakan-rakan, allahyarham ayah saya adalah seorang **perokok tegar**. Dia telah mula merokok semenjak di bangku sekolah dan akibatnya ayah saya sering sakit kepala, kerongkong dan mata. Dia juga sering pening dan batuk yang teruk, lama kelamaan ayah saya **menghidap penyakit jantung yang kronik**. Sebagai seorang anak, saya masih belum puas merasai kasih sayang daripada seorang ayah, tetapi ... dia telah meninggalkan saya buat selama-lamanya. Di kesempatan ini saya ingin mengingatkan diri saya dan rakan-rakan yang lain supaya mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku kepada ayah saya. Jangan sesekali mencuba rokok dan katakan ”**TIDAK KEPADA ROKOK**”.*

Cikgu Alyaa mengucapkan terima kasih kepada Fatin Nabila dan berharap agar murid-murid mengambil pengajaran daripada apa yang telah berlaku.

BIDANG : MAIN PERANAN (5)

TEMA : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH

Sewaktu di kantin sekolah, Azman makan sambil berbual-bual dengan Andrew, rakan baiknya.

Azman	Andrew, sedap juga mi goreng ini. Saya hendak beli mi lagi satu pingganlah
Andrew	Awak belikan saya air sirap segelas ya. Guna duit awak dulu nanti saya bayar kemudian
Azman	Andrew, apa kata petang ni kita pergi berbasikal di sekitar taman
Andrew	Boleh juga, setiap hari kita ni makan saja, bagus juga kalau sesekali kita dapat keluarkan peluh. Pukul berapa kita nak pergi.
Azman	Pukul 5.30 petang. Eh, Andrew. Awak nak tau tak? Semalam anak jiran saya ditangkap polis kerana terlibat dengan penyalahgunaan dadah.
Andrew	Anak jiran awak ditangkap polis? Siapa ?
Azman	Saya rasa awak kenal dia, dulu dia pun belajar di sini. Ahmad Salam, ingat tak ?
Andrew	Oh, Ahmad Salam... Saya kenal dia. Saya selalu nampak dia duduk seorang diri di belakang tandas sekolah pada waktu rehat. Kadang-kadang saya nampak dia membonceng motosikal kawannya sewaktu pulang dari sekolah. Bagaimana dia boleh terjebak dengan dadah?
Azman	Entahlah, Lim. Setahu saya, ibu bapa dia selalu sibuk dengan perniagaan jualan langsung mereka. Ahmad Salam telah mengambil alih tugas menjaga adik-adiknya. Ibu saya kata, mungkin dia berasa tertekan kerana tidak mendapat perhatian daripada ibu bapanya. Sebab itu dia mengambil kesempatan berjinak-jinak dengan rokok dan akhirnya menagih dadah.
Andrew	Sudah berapa lama perkara itu berlaku? Ibu bapa dia tak perasan kah perubahan pada diri Ahmad Salam?
Azman	Itulah Lim, apabila emak dan ayah dia terlalu sibuk, anak-anak terabai. Mereka sekadar menyediakan duit untuk Salam dan adik-adiknya.
Lim	Pasti ibu bapanya berasa malu dengan jiran tetangga. Namun ada baiknya, mungkin ini boleh menjadi pengajaran kepada mereka sekeluarga.
Azman	Betullah, Lim. Saya bersetuju dengan pendapat awak

Lim	Kita mesti amalkan cara hidup sihat dan menjauhi diri daripada pengaruh najis dadah. Dadah itu pemusnah bangsa dan negara. Kita mesti benci dadah sampai bila-bila, betul tak Azman?
Azman	Betul tu, awak memang bijak. Ingat janji kita pada petang ini. Hah, loceng pun sudah berbunyi. Mari kita masuk ke kelas, nanti terlambat pula.
Lim	Baiklah, mari.

BIDANG : WAWANCARA (1)
TEMA : JOM BENCI ROKOK

Azlan, murid Tahun 6 Sekolah Kebangsaan Bandar Baru dan merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Program Minggu Anti Dadah dan Rokok Peringkat Sekolahnya. Beliau diminta oleh guru penyelarass program untuk menemuramah seorang bekas perokok.

Azlan : Apa khabar, pak cik?

Pak Mat : Pak cik sihat sahaja. Anak ini siapa?

Azlan : Saya, Azlan dari Sekolah Kebangsaan Bandar Baru. Saya mewakili pihak sekolah untuk menemuramah pakcik tentang pengalaman pak cik menjadi seorang perokok. Untuk pengetahuan pak cik, maklumat ini akan dimuatkan dalam buletin sekolah sempena Minggu Anti Dadah dan Rokok Peringkat Sekolah saya.

Pak Mat : Oh, begitu! Silakan duduk. Pak cik ingatkan siapa tadi.

Azlan : Bagaimanakah kehidupan pak cik sekarang?

Pak Mat : Pak cik sudah lima tahun berhenti merokok. Semasa pak cik hendak berhenti merokok dahulu, susah betul. Macam-macam cara pak cik lakukan, akhirnya pak cik berjaya juga. Kadang kala ada masanya pak cik teringin nak merokok apabila Nampak kawan-kawan merokok. Pak cik mula merokok sejak pak cik berusia 15 tahun.

Azlan : Adakah ibu bapa pak cik tahu pak cik merokok?

Pak Mat : Ibu bapa pak cik tahu tetapi pandai-pandailah pak cik simpan rahsia. Kebiasaannya pak cik menghisap rokok sewaktu pulang dari sekolah di suatu tempat. Pernah suatu hari, pak cik dan kawan-kawan ditangkap oleh pengawas dan dilaporkan kepada pihak sekolah, apa lagi guru disiplin pun dendalah kami. Walaubagaimanapun, semua itu tidak menginsafkan pak cik.

Azlan : Adakah pak cik tidak rasa bersalah terhadap kedua ibu bapa pak cik?

Pak Mat : Itulah, baru sekarang pak cik menyesal tetapi pak cik rasa sudah terlambat. Nasi sudah menjadi bubur. Akibat dari merokok, kesihatan pak cik mula merosot. Semasa pak cik berumur 30 tahun, pak cik pernah mengidap batuk yang berpanjangan selama hampir setahun tetapi, itu semua masih tidak menyedarkan pak cik. Doktor menasihati pak cik supaya berhenti merokok tetapi pak cik berdegil.

Azlan : Apakah yang membuatkan pak cik boleh berhenti merokok?

Pak Mat : Pak cik sering keluar masuk hospital. Banyak duit pak cik habis untuk membeli ubat. Oleh itu, pak cik selalu kekurangan wang. Gaji pak cik cukup makan sahaja. Lantaran itu, pak cik mengambil keputusan untuk berhenti merokok.

Azlan : Apakah pesanan pak cik sebelum kita mengakhiri perbualan kita ini?

Pak Mat : Pak cik hendak berpesan, merokok itu bukan sahaja membahayakan kesihatan malah membazirkan wang, banyak perkara berfaedah boleh kita lakukan

untuk mengisi masa terluang.

Azlan : Terima kasih pak cik kerana sudi menceritakan pengalaman pakcik kepada saya

Pak Mat : Sama-sama.

BIDANG : WAWANCARA (2)
TEMA : SEKOLAH BEBAS DADAH

Imran menemuramah seorang penagih dadah di sebuah pusat pemulihan dan maklumat itu akan dimuatkan di dalam majalah sekolah.

Imran : Apa khabar saudara?

Abu : Khabar baik.

Imran : Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada saudara kerana berusaha untuk pulang ke pangkal jalan.

Abu : Terima kasih.

Imran : Bolehkah saudara ceritakan sedikit mengenai latar belakang keluarga saudara?

Abu : Boleh. Saya anak yatim piatu. Ibu bapa saya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Ketika itu, saya baru berusia empat tahun. Selepas peristiwa tragis itu, saya dijaga dan dibesarkan oleh nenek saya di kampung. Saya tidak mempunyai adik-beradik.

Imran : Bagaimanakah saudara boleh terlibat dengan dadah?

Abu : Selepas berhenti sekolah, saya telah bergaul dengan sekumpulan budak nakal. Merekalah yang memperkenalkan dadah itu kepada saya. Pada mulanya saya hanya ingin mencuba tetapi lama-kelamaan saya terjebak dalam kenech penagihan dadah. Benar kata orang tua, jangan sekali-kali mencuba najis dadah. Sekali terjebak, susah untuk berundur.

Imran : Tidakkah saudara berminat untuk meneruskan persekolahan ketika itu?

Abu : Semasa saya di sekolah rendah, prestasi pelajaran saya agak baik dan sering mendapat pujian daripada guru dan rakan-rakan. Nenek saya pun berbangga dengan saya. Tetapi malangnya saya telah tersilap memilih kawan semasa di sekolah menengah. Saya sering ponteng sekolah dan tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan. Akibatnya, saya sering dimarahi guru dan ia membuatkan saya berasa bosan dan mengambil tindakan untuk berhenti sekolah.

Imran : Apakah reaksi nenek saudara setelah mengetahui saudara terjebak dalam najis dadah?

Abu : Setelah mendapat tahu saya terlibat dengan dadah, nenek saya menasihati saya agar berhenti. Tetapi semakin saya hendak cuba melupakan najis dadah, semakin kuat rakan-rakan mempengaruhi saya.

Imran : Bagaimanakah saudara boleh masuk ke pusat pemulihan ini?

Abu : Sejak kesihatan nenek saya kurang memuaskan, saya rasa menyesal dan timbul kesedaran dalam diri saya untuk berubah. Oleh itu, saya merujuk ke pusat pemulihan untuk memulihkan ketagihan saya.

Imran : Apakah rancangan saudara setelah keluar dari pusat pemulihan ini nanti?

Abu : Saya akan mencari pekerjaan dan memulakan kehidupan baru. Saya berharap

masyarakat dapat menerima diri saya.

Imran : Baguslah begitu. Saya berharap saudara akan sehat dan mendapat pekerjaan.

Abu : Terima kasih

Imran : Sama-sama

BIDANG : WAWANCARA (3)
TEMA : KELUARGA BAHAGIA

WAWANCARA BERSAMA PENGHUNI RUMAH PENGASIH

Pn. : Assalamualaikum En. Wan. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa
Noraini bersama saya. Saya harap saudara tidak keberatan untuk diwawancara seketika.

En. : Waalaikumussalam Pn. Noraini. Saya amat berbesar hati kerana pihak puan
Firdaus sudi hadir ke Rumah Pengasih ini. Saya sedia membantu puan.

Pn. : Berapa lamakah saudara telah menghuni di Rumah Pengasih ini?
Noraini

En. : Untuk pengetahuan puan, saya telah menghuni di sini sejak 3 tahun yang
Firdaus lepas.

Pn. : Bolehkah saudara nyatakan dengan jelas apa yang membuatkan saudara
Noraini memilih Rumah Pengasih?

En. : Rumah Pengasih merupakan sebuah tempat rawatan dan perlindungan bagi
Firdaus penagih dadah, arak dan bahan-bahan kimia yang lain. Di sini, kami dilatih oleh kaunselor yang berkemahiran untuk mengatasi masalah ketagihan ini. Kami diajarkan dengan nilai-nilai murni, kepercayaan kepada diri sendiri dan sokongan dari rakan-raakaan dan keluarga. Selain itu, kami juga dididik dengan unsur-unsur kerohanian agar mendekatkan diri dengan Yang Maha Esa dan memohon agar diberikan kekuatan supaya mampu mengatasi ketagihan.

Pn. : Jika saudara tidak keberatan, bolehkah saya tahu apakah jenis dadah yang
Noraini saudara ambil sehingga ketagih?

En. : Saya telah mengambil ubat batuk ketika berumur 12 tahun. Setiap kali saya
Firdaus berasa tertekan dengan keadaan keluarga yang sering bergaduh, saya akan meminum ubat batuk. Lama-kelamaan saya berasa ketagih dan minum sehingga satu botol ubat batuk.

Pn. : Mengapa saudara memilih ubat batuk?
Noraini

En. : Saya mudah mendapatkannya.
Firdaus

Pn. : Apakah kesan yang saudara rasa selepas mengambil ubat batuk berlebihan?
Noraini

En. : Saya berasa mengantuk dan fikiran saya melayang-layang. Ketika itu juga,
Firdaus saya tidak mengingati apa yang telah berlaku.

Pn. : Adakah saudara berasakan bahawa tindakan saudara itu betul?
Noraini

En. : Ketika itu saya tidak memikirkan betul atau salah tindakan saya itu. Saya
Firdaus hanya memikirkan keseronokan.

- Pn. : Pada pendapat saudara, apakah yang terkandung di dalam ubat batuk yang
Noraini menyebabkan saudara mengantuk selepas mengambilnya secara berlebihan?
- En. : Pada pendapat saya, ubat batuk mengandungi sedikit campuran dadah untuk
Firdaus tujuan perubatan. Pengambilan secara berlebihan akan mendatangkan kesan negatif.
- Pn. : Apakah yang membuatkan saudara berubah dan ingin berhenti dari ketagihan
Noraini ubat batuk?
- En. : Saya cemburu melihat masyarakat sekeliling yang hidup sihat dan bahagia
Firdaus bersama ahli keluarga dan rakan-rakan. Mereka sentiasa cergas dan cerdas menjalani aktiviti harian. Itu yang membuatkan saya bertekad untuk berubah.
- Pn. : Baiklah saudara, apakah nasihat saudara kepada golongan remaja?
Noraini
- En. : Nasihat saya ialah sayangilah diri anda dan orang yang tersayang. Dekatkan
Firdaus diri kepada yang Maha Esa dan mohonlah petunjuk dan kekuatan dariNya. seandainya ada masalah yang dihadapi berbincanglah dengan keluarga dan carilah jalan penyelesaian yang betul.
- Pn. : Terima kasih kerana sudi berkongsi pengalaman. Saya doakan mudah-
Noraini mudahan saudara bebas dari ketagihan.
- En. : Terima kasih
Firdaus

BIDANG : WAWANCARA (4)
TEMA : CERGAS DAN CERDAS TANPA DADAH

Seorang wartawan Rancangan Kembali ke Pangkal Jalan menemubual seorang bekas penagih dadah dalam satu rancangan televisyen.

Wartawan : Selamat pagi En. Razak.

Bekas penagih : Selamat pagi

Wartawan : Selamat Datang ke Studio 1 TV3 dalam Rancangan Kembali ke Pangkal Jalan. Hari ini, saudara Razak akan berkongsi cerita dan pengalaman setelah bebas dari najis dadah. Saudara, bagaimanakah kehidupan saudara sekarang?

Bekas penagih : Alhamdulillah saya rasa kehidupan hari ini lebih bermakna dan saya lebih bahagia. Jika dahulu, semasa terlibat dengan najis dadah saya sentiasa resah dan tidak bermaya, kini tanpa najis dadah, saya semakin cergas dan cerdas menjalani kehidupan.

Wartawan : Jika saudara tidak keberatan, sejak bilakah saudara mula terlibat dengan dadah?

Bekas penagih : Sebenarnya, saya mula mengambil dadah sejak berumur 13 tahun. Semuanya gara-gara salah pergaulan. Saya terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan yang suka melepak dan ponteng sekolah. Akhirnya, saya mula berjinak-jinak dengan rokok dan seterusnya terjebak dengan najis dadah durjana.

Wartawan : Apakah tindakan keluarga saudara ketika itu?

Bekas penagih : Keluarga tidak jemu-jemu menasihati saya tetapi saya tidak mengendharkannya kerana najis dadah telah menguasai pemikiran dan tindakan.

Wartawan : Apakah yang mendorong saudara berubah meninggalkan najis dadah?

Bekas penagih : Semuanya bermula ketika usia saya memasuki 30 tahun. Rakan saya telah dijangkiti HIV/AIDS kerana berkongsi jarum suntikan semasa mengambil dadah.

Wartawan : Bagaimanakah keadaan rakan saudara ketika itu?

Bekas penagih : Keadaannya sangat menyedihkan. Tiada rawatan untuk pesakit HIV/AIDS. Hanya menunggu maut sahaja. Kesihatan dirinya sangat teruk, dijangkiti penyakit barah kulit, paru-paru dan demam berpanjangan. Siksaan yang ditanggungnya betul-betul menginsafkan saya.

Wartawan : Bagaimana saudara cuba mengatasi ketagihan najis dadah selepas itu?

Bekas : Saya banyak mendapat sokongan keluarga. Mereka menghantar saya ke

- penagih pusat pemulihan. Di sana, kami diajar dengan ilmu agama, diberi khidmat kaunseling dan diterapkan dengan disiplin diri. Berbekalkan keazaman yang kuat untuk berubah, akhirnya saya berjaya kembali ke pangkal jalan dan bebas dari najis dadah.
- Wartawan : Adakah saudara masih menghubungi rakan-rakan yang dijangkiti penyakit HIV/AIDS?
- Bekas penagih : Ya. Sehingga kini saya masih melawat mereka dan memberikan sokongan moral serta berkongsi perasaan.
- Wartawan : Bagaimana pula jika saudara bertemu dengan rakan-rakan yang masih menagih?
- Bekas penagih : Saya sentiasa menasihati mereka dan menceritakan betapa kehidupan saya sekarang lebih cergas dan cerdas tanpa dadah dan HIV/AIDS. Kini, saya telah membina sebuah keluarga yang bahagia tanpa dibelenggu najis dadah.
- Wartawan : Apakah nasihat saudara kepada anak-anak muda kita di luar sana?
- Bekas penagih : Kepada anak-anak muda, amalkanlah gaya hidup sihat. Sentiasa libatkan diri dengan aktiviti bermoral. Jadilah anak muda yang berwawasan, cergas dan cerdas tanpa dadah.
- Wartawan : Terima kasih saudara Razak kerana sudi hadir dan berkongsi pengalaman bersama penonton rancangan Kembali ke Pangkal Jalan. Semoga perkongsian sebentar tadi menjadi iktibar kepada kita semua. Kita akhiri wawancara pada hari ini dengan seruan Amalkan Kehidupan Sihat yang Cergas dan Cerdas Tanpa Dadah. Sekali lagi terima kasih diucapkan kepada En. Razak.
- Bekas penagih : Sama-sama.

BIDANG : WAWANCARA (5)

TEMA : MASYARAKAT MADANI TANPA DADAH

Afiqah, murid Tahun 6 Sekolah Kebangsaan Kota Lama dan merupakan salah seorang Pembimbing Rakan Sebaya menemuramah seorang doktor perubatan mengenai kesan inhalan terhadap kesihatan seseorang.

Afiqah : Selamat pagi doktor. Saya Afiqah dari Sekolah Kebangsaan Kota Lama ingin menemuramah doktor tentang kesan dan akibat inhalan kepada manusia.

Doktor Ain : Selamat pagi. Silakan duduk.

Afiqah : Bolehkah doctor ceritakan pengalaman merawat pesakit yang terlibat dengan jenis inhalan?

Doktor Ain : Tentu sekali. Kebanyakan pesakit tersebut melibatkan remaja.

Afiqah : Apakah jenis inhalan yang biasanya digunakan?

Doktor Ain : Kebiasaannya mereka menghidu gam tetapi terdapat satu kes pesakit saya yang menghidu petrol.

Afiqah : Bagaimanakah pesakit tersebut terlibat dengan ketagihan menghidu petrol?

Doktor Ain : Pesakit tersebut bekerja sebagai jurupam di sebuah stesen minyak. Pada awalnya dia suka menghidu bau petrol secara tidak langsung sehinggalah tanpa disedari dia menjadi ketagih.

Afiqah : Apakah kesan ketagihan menghidu petrol?

Doktor Ain : Ketagihan menghidu petrol memberikan kesan khayal dengan cepat berbanding dengan kesan yang didapati daripada penyalahgunaan dadah yang lain. Wap yang dihidu daripada petrol meresap ke dalam saluran darah melalui paru-paru, kemudian tersebar dengan cepat ke otak dan hati yang akhirnya boleh menyebabkan kematian mengejut.

Afiqah : Apakah rawatan yang boleh diberikan kepada pesakit tersebut?

Doktor Ain : Pada peringkat ketagihan awal, pesakit ini boleh dirawat. Walau bagaimanapun penagihan tegar sukar dirawat yang mana kebanyakannya membawa maut.


Afiqah : Sebelum mengakhiri wawancara ini, apakah nasihat doktor kepada golongan masyarakat di luar?

Doktor Ain : Pertama, ibu bapa perlu memainkan peranan mengawal dan mengawasi tingkah laku anak-anak. Seterusnya guru-guru sebagai penyalur maklumat perlu memberi pendedahan kepada murid dari semasa ke semasa mengenai bahaya penyalahgunaan dadah termasuk inhalan. Masyarakat juga haruslah sentiasa bekerjasama untuk mewujudkan Masyarakat Madani Tanpa Dadah.

Afiqah : Terima kasih doktor atas perkongsian maklumat sebentar tadi.

Doktor Ain : Sama-sama.

SILANGKATA 1




MELINTANG

2. Bahan yang boleh membunuh.
3. Kerosakan Sistem _____ ialah kesan jangka panjang akibat menghidu inhalan.
5. Dadah adalah _____ nombor 1 negara.
6. _____ punca utama pelbagai masalah.
8. _____ baik untuk kesihatan.

MENEGAK

1. Sejenis dadah.
3. Amalkan cara hidup _____
4. Agensi pelaksana utama dalam menangani masalah dadah.
5. Sikap negatif penagih
7. Dadah boleh membawa _____
10. Dadah yang terkandung di dalam the, kopi dan coklat.

SILANGKATA 2




MELINTANG

1. Sejenis dadah rekreasi bertujuan untuk memberikan ketenangan.
2. Nikotin boleh merangsang tahap _____ badan manusia
3. Bahan asas dalam ubat yang digunakan untuk merawat penyakit.
4. Simptom penyakit akibat ketagihan kafeina
5. Bahan kimia yang boleh di hidu secara terus daripada bekas terbuka.

MENEGAK

6. Nama lain bagi ubat
7. Kafeina bersifat _____ yang boleh dikumuh melalui air kencing.
8. Bayangan atau gambaran imaginasi yang dapat mengakibatkan panik kerana menghidu bahan kimia.
9. Sejenis dadah yang terdapat di dalam asap rokok.
10. Dadah yang terkandung di dalam the, kopi dan coklat.

SILANGKATA 3




MELINTANG

1. Sejenis kokain yang diproses dengan menggunakan bahan kimia untuk menghasilkan hablur putih yang besar.
2. Dadah perubatan yang disalahgunakan akan mengakibatkan _____
3. Serbuk putih yang biasanya disedut ke ddalam hidung dan dengan ce[pat diserap ke dalam darah.
4. Bahan kimia yanbg meruap yan gboleh dijumpaindalam produk eorosol, gasoline, dan cat.
5. Asid yang merupakan salah satu daripada dadah yang paling kuat

MENEGAK

6. Dadah narkotik yang dihasilkan daripada candu dadah mentah.
7. Dadah yang digunakan sebagai peransang.
8. Sejenis sebatian organic yang dijumpai secara semulajadi di dalam pokok tembakau.
9. Nama lain bagi marijuana
10. Marijuana boleh menjejaskan otak dan menyebabkan penyakit _____

TEKA SILANGKATA 4




MELINTANG

- 1)membuatkan seseorang itu rasa mengantuk.
- 3) adalah salah satu jenis utama alkohol.
- 4)berbentuk hablur tawas yang halus serta berwarna cerah dan lutsinar.
- 5) bahan utama untuk membuat rokok.
- 9) Salah satu jenis rokok ialah

MENEGAK

- 2) Heroin tergolong dalam kumpulan
- 6) Dadah paling bahaya ialah
- 7) Syabu telah wujud sejak perang dunia
- 8) Dadah GHB rasanya
- 9) Semua bentuk dadah diperolehi dari pokok

TEKA SILANGKATA 5




MELINTANG:

- 2) Benuaadalah orang-orang pertama yang menyebar penggunaan tembakau.
- 6) juga dikenali dalam bentuk bungkusan.
- 7) Heroin mempunyai kekuatan yang dua kali lebih kuat dari
- 9) Kilang rokok yang pertama wujud di negara pada tahun 1880 .
- 10) Dadah..... diperbuat daripada daun koka .

MENEGAK

- 1) Dadah Opiat berasal dari kata
- 3)adalah sejenis bahan yang terkandung di dalam rokok.
- 4) Alkohol pada awalnya digunakan secara bebas sebagai bahan
- 5) Dadah biasanya dipotong, dikeringkan, dipotong kecil-kecil dan digulung menjadi rokok.
- 8) Salah satu jenis dadah dalam kategori opiat sintetik .

TEKA SILANGKATA 6



MELINTANG

- 1) Dari segi peubatan pengambilan alkohol yangboleh menyembuhkan penyakit.
- 4) Ekstasi juga dikenali sebagai
- 8) Rokok putih mempunyai isi bahan beku dan daun
- 10) Alkohol diperbuat daripada dan ragi.

MENENGAH

- 2) sejenis ransangan yang sangat serius.
- 3) Dadah MDMA mempunyai efek
- 5) adalah bahan yang terdapat di dalam rokok.
- 6) Dadah boleh dibahagi kepada jenis.
- 7) adalah sejenis rokok yang pembalutnya dibuat dari daun jagung.
- 9) Alkohol juga sering disebut sebagai